

BANJIR

Pengurusan lebih holistik bantu mangsa ditimpa musibah

Kelantan, Terengganu dan Pahang adalah negeri yang paling teruk terjejas dilanda banjir yang dikatakan berpunca daripada musim tengkujuh ataupun angin monsun timur laut berserta fenomena air pasang besar sejak bulan ini sehingga awal tahun depan. Situasi banjir juga mula memular ke utara termasuk Perlis, Kedah serta Perak.

Ini menyebabkan ribuan penduduk terputus hubungan, kekurangan makanan dan minuman, harta benda rosak serta terdedah kepada risiko keselamatan. Kejadian banjir besar ini bukanlah satu perkara baharu yang berlaku dalam negara kita. Malah, ia berlaku pada setiap tahun apabila tiba musimnya.

Dengan adanya pengalaman yang banyak dalam menghadapi situasi banjir, sudah pasti pihak yang berkaitan mempunyai strategi ataupun susun langkah yang baik bagi mengendalikan situasi banjir dengan lebih berkesan. Jadi, sistem pengurusan bencana banjir perlulah bermatlamat untuk mengurangkan atau meminimumkan risiko keselamatan.

Pembangunan program pengurusan banjir

Pengajaran daripada kejadian banjir yang berlaku dahulu menunjukkan bahawa pendekatan yang berkesan ialah melalui pembangunan program pengurusan banjir dengan cara lebih holistik serta sesuai dengan keadaan semasa. Pihak yang berkaitan dalam negara kita hendaklah menjalinkan ker-


FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

jasama secara konsisten bagi mengendalikan isu banjir yang berlaku dengan baik serta teratur.

Secara amnya, koordinasi dan kerjasama antara semua pihak yang berkaitan ini boleh dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu peringkat sebelum, ketika dan selepas bencana berlaku. Peringkat sebelum banjir adalah peringkat persediaan dan kesiapsagaan, peringkat semasa adalah tindak balas operasi mencari dan menyelamatkan, pemindahan dan pentadbiran pusat pemindahan, manakala peringkat selepas banjir ialah peringkat selepas mengurus impak dan kemusnahan dan langkah yang perlu diambil untuk mengatasi dan mengurangkan kemusnahan dan kehilangan nyawa.

Untuk menjayakannya, kerjasama semua pihak serta agensi berkaitan adalah diperlukan. Kerajaan perlu dipuji kerana meningkatkan perun-



Kerjasama semua pihak untuk menyediakan bantuan untuk mangsa banjir.

(GAMBAR HIASAN)

tukan bantuan bagi menghadapi banjir ini. Jika semua langkah pengurusan banjir ini dapat dilaksanakan dengan sebaiknya, sudah pasti aspek pengurusannya dapat dikendalikan dengan lebih baik lagi serta dapat memberi bantuan kepada pihak mangsa dengan lebih cepat serta segera. Dengan keadaan cuaca seluruh dunia yang tidak menentu ini, tidak dapat dinafikan isu banjir ini akan sentiasa berlaku di negara kita serta negara rantau Asia Tenggara.

Wujud jawatankuasa bencana alam bertindak

Jadi, sudah sampai masanya kerajaan mewujudkan satu jawatankuasa bertindak bencana alam yang lebih mampan serta berkesan bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana alam yang mungkin menimpa negara kita pada masa

akan datang. Pihak kerajaan juga perlu mempertimbangkan untuk membina lebih banyak tempat pendaratan helikopter terutama di kawasan yang selalu ataupun berpotensi tinggi untuk terputus hubungan ketika banjir bagi memudahkan penghantaran makanan ataupun perpindahan penduduk.

Bot penyelamat juga hendaklah lebih banyak serta awal lagi dan ditempatkan di kawasan yang mudah dilanda banjir bagi memudahkan operasi. Sistem amaran awal juga perlu dikeluarkan segera oleh pihak Pusat Ramalan Kaji Cuaca Negara mengenai hujan lebat, ribut petir, tanda-tanda lain yang boleh menyebabkan kejadian banjir bagi memudahkan penduduk melakukan persiapan awal.

Selain itu, program kesedaran, pendidikan, panduan dan nasihat

tentang apa yang perlu dilakukan ketika hadapi banjir, larangan dan bahaya banjir juga hendaklah sentiasa dipertingkatkan terutama melalui media massa.

Semua pihak dalam negara kita juga hendaklah saling memberi kerjasama bagi meringankan beban mangsa banjir. Badan bukan kerajaan ataupun NGO yang berkaitan juga boleh memainkan peranan dalam membantu operasi menyalurkan bantuan kepada mangsa. Adalah diharapkan dengan adanya langkah pengurusan banjir yang baik serta teratur dan dengan kerjasama semua pihak dalam negara, beban kemusnahan besar akibat banjir dapat dikurangkan.

Dr Muzaffar Syah Mallow,

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah & Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia